

Tarikh Dibaca: 12 JULAI 2024M | 06 Muharram 1446H



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“REMAJA MASA DEPAN”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

"REMAJA MASA DEPAN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : حُنْ نَقُصْ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ
ءَامَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberi kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk
" REMAJA MASA DEPAN ".

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

¹ Al-Kahfi :13

² Ali-'Imran: 102

Alam remaja merupakan tempoh pembentukan peribadi dan jati diri, sikap bertanggungjawab, berdikari dan belajar memimpin. Remaja berperanan penting dalam membentuk masa depan persekitaran komuniti, masyarakat dan negara unggul. Remaja merupakan aset yang sangat berharga dan mesti dibimbing dan dididik dengan betul supaya berakhlak mulia dan menjauhi akhlak buruk untuk kesejahteraan masyarakat dan kemakmuran negara.

Hadis daripada Talhah bin Kuraiz Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ جَوَادٌ يُحِبُّ الْجُودَ وَيُحِبُّ مَعَالِيَ الْأَخْلَاقِ وَيَكْرَهُ
سَفْسَافَهَا

"Sesungguhnya Allah SWT Maha Pemurah, suka kepada pemurah, suka kepada ketinggian akhlak, dan benci kepada akhlak yang rendah (buruk).

(Riwayat al-Baihaqi).

Tetamu Allah SWT yang dikasihi sekalian,

Di dalam al-Quran, terdapat beberapa ayat yang menyentuh perihal remaja, memberikan nasihat, teladan dan kisah yang bermanfaat kepada golongan remaja. Mari kita renungkan kisah *Ashabul Kahfi* (Pemuda-pemuda Gua). Kisah *Ashabul Kahfi* adalah kisah yang masyhur dikhabarkan di dalam al-Quran. Ia melibatkan sekumpulan pemuda yang beriman mencari perlindungan di dalam gua untuk menyelamatkan diri demi mempertahankan akidah dan keimanan mereka. Kisah ini terkandung dalam Surah Al-Kahfi ayat 13-14 yang bermaksud:

"Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) perihal mereka dengan benar; sesungguhnya mereka itu pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan kami tambahkan kepada mereka hidayah petunjuk." Dan Kami kuatkan hati mereka (dengan kesabaran dan keberanian) semasa mereka bangun (menegaskan tauhid) lalu berkata: "Tuhan kami ialah Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan langit dan bumi; kami tidak sekali-kali akan menyembah Tuhan yang lain daripada-Nya, jika kami menyembah yang lain-Nya bermakna kami memperkatakan dan mengakui sesuatu yang jauh dari kebenaran."

Seterusnya kisah Nabi Yusuf Alaihissalam yang memaparkan peribadi remaja yang mulia, mempunyai kesabaran yang tinggi, berakhlak mulia dan bijaksana.

Sebagaimana Firman Allah SWT dalam Surah Yusuf ayat 22 yang menyebut tentang kebaikan yang diberikan kepada Nabi Yusuf Alaihissalam seusia remaja.

وَلَمَّا بَلَغَ أَشُدَّهُ وَءَاتَيْنَاهُ حُكْمًا وَعِلْمًا وَكَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿٢٢﴾

"Dan ketika Yusuf sampai peringkat umurnya yang sempurna kekuatannya, kami beri kepadanya kebijaksanaan serta ilmu pengetahuan, dan demikianlah Kami membalas orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya"

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Remaja mempunyai peranan yang sangat penting dalam membentuk masa depan masyarakat dan negara. Legasi tamadun yang baik perlu dipertanggungjawabkan kepada mereka untuk kelangsungan memacu kemajuan dan kesejahteraan ummah. Beberapa aspek penting perlu diberi

perhatian agar remaja hari ini boleh berperanan dengan berkesan dan dapat memberi nilai tambah kepada masa depan negara yang mengamalkan lunas-lunas Islam, aman dan makmur. Sehubungan itu beberapa perkara perlu diutamakan dalam membentuk remaja masa depan, antaranya:

1. Didiklah remaja dengan cara didikan Islam dan tingkatkan nilai mereka dengan ilmu pengetahuan. Pendidikan merupakan kunci kemajuan dan pembangunan negara. Remaja yang berpendidikan dan berilmu mampu membina keyakinan, mengambil tanggungjawab dan boleh disandarkan kepadanya amanah kepimpinan. Ilmu juga akan menjadi penyuluh kepada remaja meneroka kebenaran, batas hak dan kebatilan serta mampu melaksanakan amar makruf dan mencegah kemungkaran dengan baik dan bijaksana. Remaja Islam mesti menguasai ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah mencakupi ilmu keduniaan secara seimbang untuk sebuah tamadun Islam yang unggul.

Maka kita sebagai umat Islam yang menjadi contoh kepada para generasi muda ini, didiklah mereka dengan tauladan yang baik dalam segenap aspek kehidupan agama dan dunia, termasuk dalam berkeluarga, berorganisasi, berpolitik, bermasyarakat, bernegara dan bagaimana menjadi individu yang berpendirian mengikut acuan dan ketentuan agama Islam.

2. Bentuklah ciri kepimpinan, integriti dan jati diri remaja. Remaja perlu dipersiapkan dengan tasawur Islam (gambaran umum Islam) dan prinsip-prinsip agama Islam yang jelas. Sebagai pemimpin masa akan datang, remaja perlu memimpin negara melalui pembangunan siasah politik yang tersusun rapi dan tidak sama sekali mengeneipkan kepentingan agama dalam urusan kemakmuran sesebuah negara.

Semai dan tanamlah ke dalam diri remaja itu sebagai individu yang memimpin untuk kepentingan masyarakat, bukan untuk kepentingan peribadi dan kelompok. Malangnya, apa yang berlaku hari ini, remaja tidak dapat mencontohi sesuatu yang benar dan tepat untuk mereka. Apa yang mereka lihat dalam soal kepimpinan adalah perbalahan yang tidak pernah padam sesama umat Islam, caci maki, penipuan, fitnah dan kecaman. Keadaan ini memerlukan remaja dididik untuk terus memiliki jati diri kental. Maka remaja perlu dididik untuk menghadapi pelbagai situasi dengan mengambil sikap tidak mudah terpengaruh, terikut-ikut atau taasub perkara yang negatif.

Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

بَدَأَ الْإِسْلَامُ غَرِيبًا، وَسَيَعُودُ كَمَا بَدَأَ غَرِيبًا، فَطُوبَى
لِلْغُرَبَاءِ.

"Islam bermula dalam keadaan dagang dan akan kembali kepada keadaan asalnya dalam keadaan dagang. Maka beruntunglah orang-orang yang dalam keadaan dagang (berpegang teguh padanya)".

(Riwayat Muslim).

Hadirin yang dirahmati Allah SWT,

Pada hari ini, negara meletakkan harapan yang tinggi kepada golongan remaja sebagai peneraju kegemilangan dan masa depan negara. Sebagai aset penting negara, golongan remaja perlu mengambil iktibar dan sempadan kepada kebenaran apa juga yang berlaku hari ini. Remaja perlu menghayati pengajaran daripada peristiwa masa lalu dan hari ini sebagai tauladan dan sempadan di era kepimpinan masa hadapan. Remaja sebagai

generasi pelapis, perlu mempersiapkan diri dan memandang ke hadapan dengan penuh tanggungjawab untuk menjadikan negara ini sebuah negara yang aman, damai, sentiasa dalam kerahmatan dan mendapat keampunan Allah SWT.

Hadirin yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar ingin menyampaikan nasihat agar remaja terus kekal istiqamah menyediakan diri dengan :-

1. Mengukuhkan iman dan meningkatkan ketaqwaan. Ini bermaksud, sentiasa menjaga hubungan dengan Allah SWT, menjaga hak-hak Allah SWT (mendirikan solat, melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya). Ini kerana dengan menjaga hak-hak Allah SWT maka Allah SWT akan memakmurkan dunia ini dan memuliakan agama kita. Berbuatlah baik dengan beramal soleh dan banyakkkan membaca al-Quran.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Muddatthir ayat 56 :

وَمَا يَذْكُرُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ هُوَ أَهْلُ التَّقْوَى وَأَهْلُ الْمَغْفِرَةِ ﴿٥٦﴾

"Dan (dalam pada itu) tiadalah mereka dapat beringat melainkan jika dikehendaki Allah, Dialah Tuhan yang berhak dipatuhi perintah-Nya, dan Dialah jua yang berhak memberi keampunan (kepada orang-orang yang beriman dan taat)".

2. Tuntutlah ilmu, kerana ilmu itu adalah penyuluh kepada kebenaran. Ilmu itu adalah alat sebuah kejayaan di dunia mahupun kejayaan di hari akhirat kelak. Berusaha mencari ilmu dari guru yang murshid di mana jua. Menuntut ilmu bukan sahaja perlu, bahkan merupakan kewajipan sebagai seorang Islam.

Kata-kata Imam As-Syafi'e :

مَنْ أَرَادَ الدُّنْيَا فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ وَمَنْ أَرَادَ الْآخِرَةَ فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ

"Sesiapa yang inginkan dunia hendaklah ia berilmu. Sesiapa yang inginkan akhirat hendaklah ia berilmu".

Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Sesiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke Syurga. Tidaklah satu kumpulan berkumpul di dalam sebuah rumah di antara rumah-rumah Allah, membaca kitab Allah (al-Qur'an) dan mempelajarinya sesama mereka melainkan akan turun kepada mereka sakinah (ketenangan), diliputi ke atas mereka rahmat dan dinaungi oleh malaikat serta Allah SWT akan menyebut mereka pada malaikat yang berada di sisi-Nya".

(Riwayat Muslim).

3. Memilih rakan yang baik dan betul. Pilih rakan yang boleh memberi pengaruh positif dan mengajak kepada kebaikan. Elakkan daripada rakan-rakan yang boleh membawa kepada perbuatan maksiat atau merosakkan akhlak.

Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الرَّجُلُ عَلَى دِينِ خَلِيلِهِ فَلْيَنْظُرْ أَحَدُكُمْ مَنْ يُخَالِلُ

"Seseorang itu mengikut agama kawannya. Maka hendaklah mempertimbangkan siapa yang menjadi kawannya.

(Riwayat Imam Ahmad).

Hadirin jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran daripada khutbah ini untuk dijadikan panduan dalam hidup kita iaitu:

1. Umat Islam hendaklah sentiasa berpegang kepada al-Quran dan sunnah. Justeru itu, didik dan pandulah para remaja mengikut acuan yang bertepatan syariat Islam.

2. Umat Islam hendaklah sedar bahawa remaja adalah aset yang berharga, perlu dibimbing dan dididik dengan betul untuk kesejahteraan masyarakat dan kemakmuran negara pada masa depan.

3. Umat Islam hendaklah memastikan remaja dapat membina dan mengukuhkan iman dan taqwa, menjaga lisan dan perbuatan agar hubungan dengan manusia dan hubungan dengan Allah SWT itu sentiasa hebat dan penuh makna.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ وَيُشْرِحَ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدْ أَنْ
يُضِلَّهُ وَيَجْعَلَ صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّما يَصْعَدُ فِي السَّمَاءِ كَذَلِكَ
يَجْعَلُ اللَّهُ الرَّجَسَ عَلَى الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٢٥﴾

"Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah petunjuk kepadanya nescaya Dia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam dan sesiapa yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya Dia menjadikan dadanya sesak sempit sesempit-sempitnya,

seolah-olah dia sedang mendaki naik ke langit (dengan susah payahnya). Demikianlah Allah menimpakan azab kepada orang-orang yang tidak beriman.

(Surah Al-An'am: ayat 125)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ
وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ اصْلِحْ أُمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَكُّوْا أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan umat Islam dan Masjid Al Aqsa di Palestin.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٣١﴾
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.